# chairman's statement

## penyata pengerusi

**It gives me great pleasure to present the Annual Report and the Audited Accounts of your Company for the year ended 31 December 1999.**

In an increasingly competitive environment, aggravated by the economic turmoil, your Company achieved a turnover of RM544.8 million and a profit before tax of RM69.0 million. Earnings per share increased by 43.1% to 33.2 sen per share over the previous year.

An interim dividend of 6.0 sen per share nett was declared and paid on 17 September 1999. Your directors now recommend a final dividend of 12.6 sen per share. Total dividend for the year, if approved, would thus amount to 18.6 sen per share.

### THE FERTILIZER BUSINESS

In contrast to the previous year, 1999 was a year of greater predictability and stability for the fertilizer business. The measures taken by the Government to minimise the negative impact of exchange rate fluctuations contributed to raw material price stability, an important factor in the fertilizer business, as a substantial amount of raw materials is imported. In addition, the overall improvement in the agricultural sector was conducive to the business.

The business had a successful year, achieving profit before tax of RM18.8 million, representing a 13.3% increase over the previous year.

CCM Fertilizers continued to give priority to improving its services to its customers, who recognise reliability of supply of quality compound fertilizers. The company

**Dengan sukacitanya, saya ingin mengemukakan Laporan Tahunan dan Akaun-Akaun Syarikat Yang Telah Diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 1999.**

Dalam persekitaran yang semakin bersaingan, disukarkan lagi dengan kegawatan ekonomi, Syarikat anda mampu mencapai perolehan sebanyak RM554.8 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM69.0 juta. Pendapatan sesaham meningkat sebanyak 43.1% kepada 33.2 sen sesaham berbanding pada tahun sebelumnya.

Dividen pertengahan sebanyak 6.0 sen sesaham bersih telah diisytiharkan dan dibayar pada 17 September 1999. Kini, para Pengarah anda mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 12.6 sen sesaham. Jika diluluskan, dividen yang dibayar pada tahun ini akan berjumlah 18.6 sen sesaham.

### PERNIAGAAN BAJA

Berbeza dengan tahun sebelumnya, 1999 merupakan tahun yang lebih stabil dan mudah diramal bagi perniagaan baja. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesan negatif turun naik kadar matawang asing telah menyumbang kepada kestabilan harga bahan mentah, suatu faktor penting dalam perniagaan baja, kerana sebahagian besar daripada bahan mentah adalah diimport. Di samping itu, kemajuan keseluruhan dalam sektor pertanian membantu menggalakkan perniagaan ini.

Perniagaan ini berjaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM18.8 juta, 13.3% lebih tinggi berbanding pada tahun sebelumnya.

CCM Fertilizers terus memberi keutamaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada para pelanggannya yang mengharapkan kewibawaan bekalan baja kompaun yang berkualiti. Syarikat ini masih menjadi satu-satunya pengilang baja kompaun Malaysia yang diberi sijil pengiktirafan kualiti MS49, 1984 dan MS ISO 9002 bagi baja kompaun, oleh SIRIM. Ia adalah lambang pencapaian standard kualiti yang bertaraf antarabangsa.

# A YEAR OF PREDICTABILITY AND STABILITY FOR THE FERTILIZER BUSINESS



# TAHUN YANG STABIL DAN MUDAH DIRAMAL BAGI PERNIAGAAN BAJA

RESEARCH AND DEVELOPMENT EFFORTS TO PROVIDE

IMPROVED PRODUCTS




USAHA PENYELIDIKAN DAN

PEMBANGUNAN MENYEDIAKAN BARANGAN YANG LEBIH BAIK

continues to be the only Malaysian compound fertilizer manufacturer to have been presented two quality certificates for compound fertilizers by SIRIM (Standards and Industrial Research Institute of Malaysia), these being MS49. 1984 and MS ISO 9002, which is a mark of the attainment of international quality standards.

The company's premier position in the industry was re-affirmed when the plantation group receiving its technical advisory services was, for the second consecutive year, presented two awards by the Palm Oil Registration and Licensing Authority (PORLA) for sustained high yields in oil palm and good estate management.

The 'Golden Growers Club' launched in 1998 saw a major increase in its membership. This was due to customers seeking the benefits of the technical advisory information provided through the newsletter 'Agrinfo'. Product seminars were also carried out throughout the country to enable direct technical information dissemination to customers and dealers.

The concept of 'Total Care' was also launched. Under this concept, care was extended to customers, in addition to that for their crops, to cover healthcare in the form of access to pharmaceutical and healthcare products manufactured by companies in the CCM Group. Scholarships were also provided to children of customers who excelled in the SPM and STPM examinations.

Research and Development efforts to provide improved products for the agricultural sector continued. Trials were successfully carried out on a new product, 'NK Plus', specifically for oil palm. The product launched in January 2000 will be the company's contribution to the further improvement of national revenues from the oil palm industry.

Kedudukan ulung syarikat dalam industri telah diperkukuhkan lagi apabila kumpulan perladangan yang menerima anugerah khidmat nasihat teknikal bagi tahun kedua berturut-turut, diberikan dua anugerah oleh Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sawit (PORLA) kerana mengekalkan hasil kelapa sawit yang tinggi dan pengurusan ladang yang baik.

'Golden Growers Club' yang dilancarkan pada tahun 1998 telah menarik lebih ramai keahlian. Ini adalah kerana para pelanggan ingin mendapatkan manfaat maklumat khidmat nasihat teknikal yang disediakan melalui majalah berita 'Agrinfo'. Seminar produk juga telah diadakan di seluruh negara untuk membolehkan penyebaran maklumat teknikal secara langsung kepada para pelanggan dan wakil penjual.

Konsep 'Keprihatinan Menyeluruh' (Total Care) juga telah dilancarkan pada tahun ini. Di bawah konsep tersebut, sifat keprihatinan kita telah ditampilkan kepada para pelanggan, selain daripada keprihatinan kita terhadap tanaman mereka. Ini merangkumi penjagaan kesihatan melalui barangan farmaseutikal dan penjagaan kesihatan yang dikilang oleh syarikat-syarikat dalam Kumpulan CCM. Biasiswa turut diberi kepada anak-anak pelanggan yang mencapai keputusan cemerlang di dalam peperiksaan SPM dan STPM.

Usaha Penyelidikan dan Pembangunan bagi menyediakan barangan yang lebih baik untuk sektor pertanian masih diteruskan. Beberapa ujian telah berjaya dijalankan ke atas sebuah produk baru, 'NK Plus', khusus untuk pokok kelapa sawit. Produk yang dilancarkan pada bulan Januari 2000 ini akan menjadi sumbangan syarikat terhadap peningkatan hasil pendapatan negara yang diperolehi daripada industri kelapa sawit.

## PERNIAGAAN KIMIA

1999 adalah tahun yang baik bagi CCM Chemicals. Setelah melalui dua tahun yang amat sukar semenjak krisis kewangan di rantau Asia Pasifik dalam tahun 1997, syarikat telah mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM25.1 juta yang merupakan peningkatan sebanyak 36.4% berbanding pencapaian pada tahun 1998.

Prestasi yang bertambah baik ini adalah selaras dengan berbagai langkah ekonomi dan kewangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia yang telah merancakkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 1999, khususnya sektor perkilangan. Syarikat terus melaksanakan berbagai langkah sepanjang tahun 1999, yang antara lain meliputi fokus yang lebih mendalam

## THE CHEMICAL BUSINESS

1999 was a good year for CCM Chemicals. After two very difficult years since the financial crisis in the Asia Pacific region in 1997, the company achieved a profit before tax of RM25.1 million which was 36.4% higher than that recorded in 1998.

The improved performance was consistent with the various fiscal stimulus and monetary measures implemented by the Malaysian Government which spurred the economy in 1999, in particular the manufacturing sector. The company continued to institute various measures throughout 1999, which included a sharper focus on profitability, cost control and prudent cash management.

The Chlor-Alkali and Watercare businesses continued to be under severe competitive pressure from both local and regional players. Despite this, the Chlor-Alkali business performed well due to higher sales volumes across all product sectors. However, the Watercare business suffered erosion of market share and margins of its core product but this was offset by a new generation of coagulant products, used in the potable and waste water treatment sectors, which continued to register good growth.

The trading business  registered an impressive turnaround in 1999. The implementation of the trading strategy to reshape the company's trading businesses and enhance its position in growing profitable sectors has started to show results.

The company's first regional business, CCM Holdings Pte Ltd based in Singapore, continued to perform well. CCM Chemicals is expected to further expand its regional business and export operations in the next few years.

A major milestone for CCM Chemicals was the start-up of a Calcium Nitrate plant at Shah Alam in August 1999. This investment  will enhance CCM Chemicals leadership position in the rubber latex glove sector.

terhadap pencapaian tahap keuntungan, kawalan kos dan pengurusan tunai secara berhemat.

Perniagaan Kloro-Alkali dan Penjagaan Air terus melalui tekanan persaingan yang hebat daripada para pesaing tempatan dan serantau. Walaupun menghadapi keadaan sedemikian, perniagaan Kloro-Alkali mampu mencatatkan prestasi baik hasil pencapaian jumlah jualan yang tinggi bagi seluruh sektor produk. Walau bagaimanapun, perniagaan Penjagaan Air mengalami pengurangan bahagian pasaran dan margin bagi produk terasnya, tetapi ini telah ditampung oleh produk bahan pengentak (coagulant) generasi baru yang digunakan dalam sektor rawatan air gunaan dan kumbahan, yang terus menikmati pertumbuhan baik.

Perniagaan perdagangan mencatatkan pemulihan yang memberangsangkan pada tahun 1999. Pelaksanaan strategi perdagangan untuk membentuk semula perniagaan perdagangan serta pengukuhan kedudukannya dalam sektor-sektor yang semakin menguntungkan telah mula menunjukkan hasilnya.

CCM Holdings Pte Ltd yang berpangkalan di Singapura, perniagaan serantau pertama syarikat ini, terus menghasilkan prestasi yang baik pada tahun ini. CCM Chemicals dijangka akan meluaskan lagi perniagaan serantau dan operasi eksportnya dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Permulaan loji Calcium Nitrate di Shah Alam pada bulan Ogos 1999 merupakan satu mercutanda utama bagi CCM Chemicals. Pelaburan ini akan mempertingkatkan lagi kedudukan kepimpinan CCM Chemicals dalam sektor sarung tangan susu getah.

Sepanjang tahun 1999, syarikat ini telah memberikan penekanan berterusan terhadap Pengurusan Kualiti dan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Kedua-dua loji Kloro-Alkali di Pasir Gudang dan loji pembungkusan semula KLEA 134a di Shah Alam masih mengekalkan akreditasi MS ISO 9002 masing-masing.

CCM Chemicals telah diberikan Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 1998 / 1999 kerana pencapaian yang ketara dalam pelaksanaan isu Alam Sekitar. Anugerah ini mengiktiraf komitmen syarikat terhadap pengurusan alam sekitar dan inisiatif yang dirumuskan dalam bentuk program Keprihatinan Bertanggungjawab (Responsible Care) di loji Kloro-Alkali di Pasir Gudang. Sebagai pengiktirafan terhadap prestasi dan piawaian yang ditetapkan oleh syarikat dalam bidang pengurusan

FOCUSED ON PROFITABILITY

AND COST CONTROL



FOKUS TERHADAP PENCAPAIAN TAHAP

KEUNTUNGAN DAN KAWALAN KOS